KERTAS KONSULTASI AWAM NO. 3/2025:

GARIS PANDUAN PEMBUATAN KEPUTUSAN INDIVIDU SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN

Tarikh Mula: 20 Mac 2025

Tarikh Tamat: 19 Mei 2025

BAHAGIAN 1: PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

[A] Pengenalan

1.1 Seksyen 5 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta 709**") memperuntukkan bahawa pemprosesan data peribadi oleh pengawal data hendaklah mematuhi prinsip perlindungan data peribadi yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Akta 709 tidak secara khusus menjelaskan pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan.

1.2 Seiring dengan kemajuan teknologi, lebih banyak pemprosesan dan keputusan kini dibuat secara automatik. Dengan menggunakan teknologi seperti kecerdasan buatan ("**AI**") dan teknik pembelajaran mesin, maklumat lain (termasuk maklumat yang sangat sensitif) boleh diramalkan daripada data yang tidak sensitif. Sebagai contoh, hanya dengan melihat kepada maklumat berkenaan tentang tingkah laku dalam talian seseorang, algoritma boleh meramal atau menaakul pelbagai perkara seperti kesihatan, pandangan politik atau kehidupan keluarga mereka. Proses ini dikenali sebagai pemprofilan. Ramalan ini kemudian boleh digunakan bagi pembuatan keputusan secara automatik yang boleh memberi kesan besar kepada kehidupan peribadi setiap individu.

1.3 Beberapa negara dan bidang kuasa termasuk Kesatuan Eropah ("**EU**"), United Kingdom ("**UK**"), Korea Selatan, Filipina, Indonesia dan China telah melaksanakan keperluan berkaitan pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan dalam undang-undang dan rangka perlindungan data mereka.

1.4 Untuk memastikan bahawa rangka pengawalseliaan perlindungan data peribadi Malaysia kekal relevan, berkesan dan selari dengan landskap pengawalseliaan perlindungan data global, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi ("**Pesuruhjaya**") sedang membangunkan Garis Panduan Pembuatan Keputusan Secara Automatik dan Pemprofilan ("**Garis Panduan ADMP**"). Garis Panduan ADMP ini akan memberikan panduan mengenai pengenalan dan pelaksanaan keperluan berkaitan pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan.

1.5 Kertas Konsultasi Awam ("**KKA**") ini bertujuan untuk mengumpul pandangan dan maklum balas awam mengenai aspek-aspek yang akan atau yang sepatutnya dirangkumkan dalam Garis Panduan ADMP yang dicadangkan. KKA ini juga akan membantu Pesuruhjaya menentukan tahap kesediaan pengawal data atau pemproses data sekiranya peruntukan mengenai pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan diperkenalkan dan dikuatkuasakan di bawah Akta 709.

BAHAGIAN 2: CADANGAN PENGENALAN DAN KEHENDAK BAGI PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN

2.1 Sebagai gambaran keseluruhan, Bahagian 2 KKA ini dibahagikan seperti berikut:

(a) Pengenalan kepada pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan;

(b) Asas pertimbangan Pengawalseliaan;

(c) Pendekatan Pengawalseliaan:

(i) Hak untuk menolak
(ii) Hak untuk mendapatkan maklumat
(iii)Hak untuk mendapatkan penilaian manual

(secara keseluruhan dirujuk sebagai "**Sekatan ADM**");

(d) Pengecualian kepada Sekatan ADM;

(e) Penggunaan data peribadi untuk tujuan latihan dan penghasilan AI;

(f) Data biometrik; dan

(g) Televisyen Litar Tertutup (CCTV).

[A] <u>Pengenalan kepada Pembuatan Keputusan Secara Automatik dan Pemprofilan</u>

2.2 **<u>Latar Belakang:</u>** Konsep pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan pada masa ini tidak dijelaskan di dalam Akta 709.

2.3 "Pembuatan keputusan secara automatik" secara umumnya dijelaskan sebagai proses atau keupayaan untuk membuat keputusan melalui kaedah automatik tanpa sebarang penglibatan manusia.

2.4 “Pemprofilan” ditakrifkan oleh Kamus Oxford sebagai: “proses merekod dan menganalisis ciri-ciri psikologi serta tingkah laku seseorang, untuk menilai atau meramalkan keupayaan mereka dalam lingkungan sosial tertentu atau membantu mengenal pasti kategori individu.” Secara umumnya, pemprofilan melibatkan pengumpulan data mengenai seseorang atau sekumpulan individu, diikuti dengan analisis sifat dan corak tingkah laku mereka bagi tujuan mengkategorikan mereka atau meramalkan keupayaan, minat atau tingkah laku yang mungkin. Secara ringkas, ia adalah cara untuk menghasilkan gambaran terperinci tentang seseorang berdasarkan pelbagai data yang dikumpul.

Contoh Penggunaan:

(a) Institusi kewangan (seperti bank) menjalankan pemprosesan automatik terhadap permohonan (yang mengandungi data peribadi pemohon) untuk produk perkhidmatan kewangan seperti kad kredit bagi menentukan kelayakan individu tersebut bagi produk berkenaan tanpa melibatkan penilaian oleh manusia.

(b) Syarikat e-dagang memantau tingkah laku dalam talian individu (contohnya, laman web yang dilayari, kekerapan pembelian produk dalam kategori tertentu) dan membina profil minat individu tersebut untuk menentukan jenis produk yang sesuai untuk dipasarkan kepada mereka dan/atau menentukan kelayakan mereka untuk menerima diskaun tertentu.

(c) Jabatan Sumber Manusia (HR) syarikat menggunakan algoritma untuk menapis calon yang layak menghadiri temu duga fizikal (di mana kriteria algoritma tersebut mungkin tidak diketahui oleh pegawai HR), menyebabkan hanya 10 calon daripada kaum atau latar belakang tertentu yang dipilih.

(d) Pembelajaran mesin digunakan untuk meramal keadaan kesihatan pesakit atau kemungkinan kejayaan sesuatu rawatan berdasarkan ciri-ciri kumpulan tertentu seperti umur, sejarah perubatan atau gaya hidup mereka.

(e) Teknologi berkembar digital merujuk kepada model maya bagi perkara dunia nyata seperti aset, individu atau proses. Teknologi ini membantu organisasi membuat keputusan yang lebih bijak dan strategik melalui simulasi pelbagai strategi dan tingkah laku. Dengan membina senario berdasarkan situasi dunia nyata dan hasil yang diramalkan, teknologi berkembar digital dapat memberikan wawasan yang berfungsi sebagai sistem amaran awal, membantu meramal kejadian serta kebarangkalian sesuatu peristiwa untuk berlaku. Ia juga menyediakan platform digital yang selamat untuk menguji reka bentuk dan pilihan sekaligus meningkatkan kecekapan dan mempercepatkan masa untuk pelancaran produk, contohnya dengan mengoptimumkan penjadualan, urutan kerja dan penyelenggaraan. [1]

2.5 Pengenalan keperluan bagi pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan di Malaysia akan:

(a) meningkatkan dan menawarkan perlindungan data yang lebih baik kepada subjek data terutamanya dengan mengambil kira risiko yang timbul akibat pembangunan ekonomi yang pesat dan kemajuan teknologi; dan

(b) menyelaraskan piawaian perlindungan data peribadi dengan piawaian dan perundangan global.

[1] https://www.mckinsey.com/capabilities/mckinsey-digital/our-insights/tech-forward/digital-twins-and-generative-ai-a-powerful-pairing

2.6 **Cadangan:** Adalah dicadangkan agar konsep pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan diperkenalkan dalam rangka perlindungan data di Malaysia. Sehubungan itu, takrifan berikut dicadangkan:

"Pembuatan keputusan secara automatik" didefinisikan sebagai: "proses pembuatan keputusan yang dilakukan sepenuhnya melalui kaedah automasi tanpa sebarang campur tangan atau penglibatan manusia."

Definisi ini adalah berdasarkan amalan dan pendekatan yang diterima oleh pihak berkuasa perlindungan data di beberapa negara – untuk rujukan:

(i) **EU:** "Pembuatan keputusan secara automatik mempunyai skop tersendiri yang mungkin sebahagiannya bertindih atau terhasil daripada pemprofilan. Pembuatan keputusan secara automatik sepenuhnya merujuk kepada keupayaan membuat keputusan menggunakan teknologi tanpa sebarang penglibatan manusia."

(ii) **United Kingdom (UK):** "Pembuatan keputusan secara automatik ialah proses pembuatan keputusan sepenuhnya melalui kaedah automasi tanpa campur tangan manusia."

(iii) **Filipina:** "Operasi pemprosesan secara automatik sepenuhnya atau sebahagiannya yang dapat membuat keputusan menggunakan teknologi tanpa sebarang campur tangan manusia; pembuatan keputusan secara automatik sering dikaitkan dengan pemprofilan."

(iv) **China:** "Merujuk kepada aktiviti menganalisis dan menilai tingkah laku, minat atau status ekonomi, kesihatan dan kredit individu secara automatik menggunakan program komputer serta membuat keputusan berdasarkan hasil analisis tersebut."

Penerangan:

"Secara automatik" merujuk kepada pemprosesan data secara automatik menggunakan teknologi, di mana penglibatan manusia sama ada dikecualikan sepenuhnya atau sangat terhad. Sebagai contoh, penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan alat pembelajaran mesin untuk pemprosesan data dianggap sebagai "secara automatik".

Keputusan secara automatik mungkin melibatkan pemprofilan tetapi ianya bukanlah satu kemestian (keputusan secara automatik boleh dibuat tanpa pemprofilan). Sebagai contoh, sistem automatik boleh mengesan dan menyekat transaksi penipuan dengan menganalisis corak dan anomali dalam data transaksi menggunakan peraturan dan algoritma yang telah ditetapkan tanpa melakukan pemprofilan terhadap pengguna. Namun, jika sistem mula memantau dan menganalisis sejarah transaksi pengguna secara berterusan untuk membina profil tentang tingkah laku kebiasaan mereka, ini akan dianggap sebagai pemprofilan. Sebagai contoh, sistem akan memantau tabiat perbelanjaan pengguna, peniaga yang

mereka gemari dan masa transaksi kebiasaan serta menilai risiko berdasarkan sama ada pengguna mempunyai sejarah transaksi yang dipertikaikan atau insiden penipuan sebelum ini. Berdasarkan profil ini, sistem mungkin menggunakan peraturan atau ambang yang berbeza untuk mengenalpasti transaksi yang berisiko. Dalam situasi ini, keputusan untuk mengenalpasti sesuatu transaksi yang berisiko akan dipengaruhi oleh profil pengguna termasuk tingkah laku lampau dan tahap risiko mereka, menjadikannya sebagai sebuah keputusan berdasarkan pemprofilan.

Pemprofilan: "sebarang bentuk pemprosesan automatik data peribadi yang melibatkan penggunaan data peribadi untuk menilai aspek-aspek peribadi tertentu berkaitan dengan subjek data. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada menganalisis atau meramal prestasi individu di tempat kerja, keadaan ekonomi, kesihatan, keutamaan peribadi, minat, kebolehpercayaan, tingkah laku, lokasi atau pergerakan mereka."

Definisi ini secara umum berdasarkan definisi yang diterima pakai dalam perundangan atau oleh pihak berkuasa perlindungan data di beberapa negara – untuk konteks:

(i) **EU, UK,** dan **Filipina** mengguna pakai definisi yang sama seperti dinyatakan di atas.

(ii) **Indonesia** mengguna pakai definisi yang sedikit berbeza, iaitu "Sebarang aktiviti yang bertujuan untuk mengenal pasti individu, termasuk tetapi tidak terhad kepada sejarah pekerjaan, keadaan ekonomi, rekod perubatan, pilihan peribadi, minat, bakat, tingkah laku, lokasi atau pergerakan subjek data."

<u>Soalan 1</u>

Sila berikan jawapan kepada soalan-soalan di bawah dengan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Apakah pandangan anda mengenai pengenalan konsep pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan dalam rangka perlindungan data di Malaysia?

(b) Apakah pendapat anda mengenai definisi yang dicadangkan untuk "pembuatan keputusan secara automatik" dan "pemprofilan" seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2.6? Adakah anda merasakan definisi ini terlalu luas atau terlalu sempit?

(c) Bagi definisi "pembuatan keputusan secara automatik," adakah pemprosesan perlu dijalankan sepenuhnya secara automatik, sebahagiannya automatik, <u>atau</u> adakah memadai sekadar "automatik" untuk dianggap sebagai "pembuatan keputusan secara automatik"?

(d) Bilakah, bagaimanakah dan mengapakah organisasi anda melaksanakan pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan?

(e) Adakah anda bersetuju bahawa pemprosesan data perlu mengandungi elemen ramalan (iaitu data peribadi digunakan untuk menganalisis atau meramalkan aspek tertentu seseorang individu) atau tahap inferens tertentu (iaitu membuat kesimpulan mengenai individu berdasarkan data yang dikumpulkan) untuk dianggap sebagai pemprofilan?

[B] Asas Pertimbangan Pengawalseliaan

2.7 **Latar Belakang:** Pembuatan keputusan sceara automatik (dan seterusnya pemprofilan) pada dasarnya bukanlah suatu perkara yang negatif selagi mana ia tidak memberikan kesan nyata kepada individu.

Contoh:

(a) Penyelidik mungkin mengumpul data peribadi sekumpulan individu yang tinggal di bandar berbanding di kawasan pinggir bandar. Data ini diproses melalui sistem automatik untuk memprofil mereka yang lebih cenderung tinggal di bandar berbanding pinggir bandar sebagai sebahagian daripada kajian sosiologi. Proses ini bertujuan untuk memahami trend sosial yang lebih luas tanpa memberi kesan kepada individu tertentu.

(b) Sebuah syarikat boleh memproses data peribadi pelanggan menggunakan sistem automatik untuk mengenal pasti "kesetiaan pelanggan" (contohnya, kebarangkalian pelanggan terus menggunakan perkhidmatan mereka) serta faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku tersebut. Data ini digunakan untuk meningkatkan pengalaman pengguna secara keseluruhan, tanpa mendiskriminasi kategori pengguna tertentu. Oleh itu, ia tidak memberikan kesan buruk kepada mana-mana individu secara khusus.

2.8 Di negara-negara yang mempunyai peruntukan khusus mengenai pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan dalam undang-undang perlindungan data peribadi mereka (contohnya, EU, UK, Korea Selatan, Indonesia dan China), pendekatan berdasarkan risiko diambil. Sebagai contoh, subjek data mempunyai hak untuk tidak tertakluk kepada atau membantah keputusan yang dibuat sepenuhnya melalui proses automatik, termasuk pemprofilan **yang menghasilkan kesan undang-undang terhadap mereka atau memberi kesan signifikan yang setara.** Pendekatan ini mengimbangi manfaat pembuatan keputusan secara automatik dengan keperluan untuk melindungi individu daripada risiko kemudaratan.

2.9 **Cadangan:** Adalah dicadangkan agar pembuatan keputusan secara automatik (termasuk pemprofilan) hanya dikawal selia sekiranya penggunaannya **membawa**

kesan undang-undang kepada subjek data atau memberikan impak yang signifikan kepada mereka.

Penerangan:

"penggunaannya membawa kepada kesan undang-undang terhadap subjek data"*: Suatu yang memberi kesan terhadap status undang-undang atau hak individu (contohnya, pembatalan kontrak, kehilangan kelayakan atau penafian manfaat sosial yang diperuntukkan di bawah undang-undang).*

"memberi kesan signifikan terhadap subjek data"*: merujuk kepada keputusan yang memberikan impak besar atau setara. (Contoh: penolakan automatik permohonan kredit dalam talian atau proses pengambilan pekerja melalui sistem automatik tanpa sebarang campur tangan manusia). Keputusan seperti ini mesti mempunyai potensi untuk:*

(a) memberikan kesan ketara terhadap keadaan hidup, tingkah laku atau pilihan individu tersebut;

(b) menyebabkan impak jangka panjang atau kekal kepada subjek data; atau

(c) dalam situasi ekstrem, membawa kepada pengecualian atau diskriminasi terhadap individu tertentu.

Contoh jenis keputusan yang memberi kesan signifikan:

(a) keputusan yang mempengaruhi status kewangan seseorang seperti kelayakan untuk mendapatkan kredit;

(b) keputusan yang mengehadkan akses kepada perkhidmatan kesihatan;

(c) penolakan peluang pekerjaan atau keputusan yang menjejaskan kedudukan seseorang secara serius;

(d) penentuan harga produk yang lebih rendah kepada seseorang individu berbanding individu lain;

(e) keputusan yang menjejaskan akses kepada pendidikan, contohnya, kemasukan ke institusi pengajian tinggi.

2.10 Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa keputusan yang harus dikawal selia adalah:

(a) keputusan yang dibuat sepenuhnya melalui kaedah teknologi tanpa campur tangan manusia; dan

(b) keputusan yang membawa implikasi undang-undang atau kesan yang signifikan terhadap seseorang individu.

<u>Soalan 2</u>

Sila nyatakan justifikasi yang jelas bagi menyokong pandangan anda dalam menjawab soalan berikut:

(a) Adakah anda bersetuju bahawa perlu ada asas pertimbangan yang jelas bagi pengawalseliaan atau adakah <u>semua</u> pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan (tanpa mengambil kira impaknya) perlu dikawal selia?

(b) Adakah anda bersetuju dengan asas pertimbangan yang dicadangkan iaitu pembuatan keputusan secara automatik (dan pemprofilan) hanya dikawal selia <u>jika ia membawa implikasi undang-undang atau kesan yang signifikan terhadap subjek data?</u> Jika tidak, apakah asas pertimbangan lain yang perlu dipertimbangkan?

(c) Pada pandangan anda, apakah asas pertimbangan atau contoh lain yang patut dipertimbangkan untuk menentukan impak yang signifikan terhadap subjek data?

(d) Adakah pendekatan seperti Akta Perkhidmatan Digital EU (DSA) perlu diterima pakai, iaitu pemprosesan data peribadi sensitif (termasuk data biometrik) dilarang sepenuhnya bagi tujuan pemprofilan?

Untuk konteks, di bawah DSA, iklan berdasarkan pemprofilan data "kategori khas" GDPR adalah dilarang. Artikel 26(3) DSA menyatakan: "Penyedia platform dalam talian tidak boleh memaparkan iklan kepada penerima perkhidmatan berdasarkan pemprofilan seperti yang ditakrifkan dalam Artikel 4, Peraturan (EU) 2016/679, menggunakan data peribadi kategori khas seperti dirujuk dalam Artikel 9(1) Peraturan (EU) 2016/679."

Data "kategori khas" ini adalah sangat luas, ini merangkumi data peribadi yang mendedahkan asal-usul kaum atau etnik, pendapat politik, kepercayaan agama atau falsafah, keahlian kesatuan sekerja, data genetik, data biometrik untuk mengenal pasti individu secara unik, data kesihatan serta data tentang kehidupan seks atau orientasi seksual individu.

[C] <u>Pendekatan Pengawalseliaan</u>

2.11 **<u>Latar Belakang:</u>** Beberapa negara termasuk EU, UK, Korea Selatan, Filipina, Indonesia dan China telah memperkenalkan peruntukan khusus dalam undang-undang perlindungan data peribadi mereka untuk mengawal selia pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan.

2.12 Hak atau sekatan lazim yang diguna pakai oleh sesetengah negara termasuk (dalam pelbagai bentuk):

(a) hak untuk membantah atau tidak tertakluk kepada keputusan yang dibuat sepenuhnya berdasarkan pembuatan keputusan secara automatik, termasuk pemprofilan yang membawa implikasi undang-undang terhadap subjek data atau memberi kesan signifikan kepada subjek data;

(b) hak untuk mendapat maklumat / keperluan ketelusan; dan/atau

(c) hak untuk mendapatkan semakan manual terhadap pembuatan keputusan secara automatik.

2.13 **Cadangan:** Adalah dicadangkan agar subjek data diberikan:

(a) hak untuk menolak daripada tertakluk kepada keputusan yang dibuat sepenuhnya berdasarkan pembuatan keputusan secara automatik (termasuk pemprofilan) yang membawa implikasi undang-undang terhadap subjek data atau memberi kesan signifikan kepada mereka ("**Hak untuk Menolak**");

(b) hak untuk mendapatkan maklumat mengenai pembuatan keputusan secara automatik yang sedang dijalankan (iaitu keperluan ketelusan) ("**Hak untuk Mendapatkan Maklumat**"); dan

(c) hak untuk mendapatkan semakan dilakukan secara manual terhadap keputusan yang dibuat secara automatik ("**Hak untuk Mendapatkan Semakan Manual**").

(secara kolektifnya, "**Sekatan ADM**").

Penerangan:

(a) Hak untuk Menolak: *Subjek data mempunyai hak untuk menolak pemprosesan yang:*

(i) "berdasarkan sepenuhnya pada pembuatan keputusan secara automatik": proses pembuatan keputusan yang dibuat sepenuhnya secara automatik tanpa pengaruh manusia.

Sesuatu proses masih dianggap dibuat secara automatik sepenuhnya jika manusia hanya memasukkan data untuk diproses, dan keputusan kemudiannya dibuat oleh sistem automatik.

"Membawa implikasi undang-undang terhadap subjek data" (rujuk contoh di perenggan 2.9 di atas).

(ii) "Memberi kesan yang signifikan kepada subjek data" (rujuk contoh di perenggan 2.9 di atas).

(b) <u>Hak untuk Mendapatkan Maklumat</u>:

(i) Jika pemprosesan melibatkan pembuatan keputusan secara automatik, subjek data mesti dimaklumkan mengenainya.

(ii) Dalam memberikan maklumat tersebut, pemproses data mesti:

- *Memberikan maklumat penting mengenai logik yang digunakan; dan*
- *Menjelaskan kepentingan dan kesan-kesan yang mungkin terhasil daripada pemprosesan tersebut.*

(iii) "Maklumat penting mengenai logik": Maklumat ini harus memberi tumpuan kepada:

- *Jenis maklumat yang dikumpul atau digunakan untuk mencipta profil atau membuat keputusan secara automatik;*
- *Mengapa maklumat tersebut relevan; dan*
- *Apakah kesan-kesan yang mungkin dihasilkan atau bagaimana ia mungkin memberi kesan kepada subjek data.*

(c) <u>Hak Untuk Mendapatkan Semakan Manual</u>

(i) Sebarang semakan mesti dilakukan oleh individu yang mempunyai kuasa dan keupayaan untuk mengubah keputusan tersebut. Penyemak perlu menjalankan penilaian menyeluruh terhadap semua data yang relevan termasuk sebarang maklumat tambahan yang disediakan oleh subjek data.

(ii) Pengawal data mesti menyediakan mekanisme yang sesuai bagi subjek data untuk menggunakan hak-hak mereka dan/atau mewujudkan proses untuk individu tersebut mencabar atau membuat rayuan terhadap sesuatu keputusan termasuk asas atau alasan yang membolehkan mereka membuat rayuan tersebut.

(iii) Jika diminta, pengawal data mesti memberikan justifikasi dan/atau alasan bagi keputusan yang dibuat.

(iv) Permintaan sebegini mesti diambil tindakan dalam tempoh masa tertentu, sebagai contoh: dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas permintaan diterima; atau tambahan masa selama empat belas (14) hari jika permintaan tersebut bersifat rumit atau terdapat pelbagai permintaan daripada individu yang sama.

Soalan 3

Sila nyatakan pandangan anda dengan memberikan justifikasi yang jelas untuk menyokong jawapan anda bagi soalan-soalan yang berikut:

(a) Sebagai pengawal data, adakah anda pernah menghadapi atau menjangka sebarang cabaran atau kesukaran dalam mematuhi Sekatan ADM?

(b) Adakah anda berpendapat bahawa selain daripada Sekatan ADM yang dicadangkan terdapat hak atau sekatan lain yang perlu diperkenalkan? Sebagai contoh, adakah langkah perlindungan tambahan perlu dilaksanakan untuk mencegah kesan diskriminasi?

Sebagai contoh, di China, sebelum melaksanakan langkah pembuatan keputusan secara automatik, pemproses maklumat peribadi perlu menjalankan penilaian impak perlindungan maklumat peribadi dan menyimpan rekod yang berkaitan sekurang-kurangnya selama tiga tahun. Sementara itu, di Filipina, pengawal maklumat peribadi perlu memastikan terdapat langkah perlindungan terhadap risiko pemprofilan meluas seperti kesan diskriminasi dan pencabulan hak untuk mendapat layanan yang adil (sekiranya pembuatan keputusan secara automatik atau pemprofilan dilakukan) serta mereka perlu mendaftar dengan Suruhanjaya Privasi Kebangsaan dan mengenal pasti sistem pemprosesan data yang terlibat dalam operasi tersebut.

(c) Berkaitan dengan Hak untuk Menolak, pada pandangan anda, apakah cabaran operasi yang mungkin timbul dalam melaksanakan hak ini?

(d) Berkaitan dengan Hak untuk Mendapatkan Maklumat, pada pandangan anda:

(i) Apakah cabaran operasi yang mungkin dihadapi dalam melaksanakan hak ini?

(ii) Apakah tahap perincian atau maklumat yang perlu disediakan untuk memenuhi keperluan Hak untuk Mendapatkan Maklumat?

(e) Berkaitan dengan Hak untuk Mendapatkan Semakan Manual, pada pandangan anda:

(i) Adakah anda berpandangan perlu ada kaedah atau proses khusus yang harus digunakan oleh pengawal data untuk memberikan justifikasi terhadap keputusan yang dibuat? Jika ya, apakah contohnya?

(ii) Adakah tempoh masa yang dicadangkan (seperti yang dirujuk dalam ilustrasi pada perenggan (c)(iv) dalam Penjelasan) untuk memberi maklum balas kepada permintaan semakan mencukupi atau adakah ia perlu dipendekkan atau dilanjutkan?

(f) Perlukah iklan yang disasarkan (berdasarkan pemprofilan) kepada kanak-kanak/remaja dilarang seperti yang ditetapkan di bawah Akta Perkhidmatan Digital EU (DSA)?

Untuk konteks, di bawah Akta Perkhidmatan Digital EU (DSA), platform dalam talian dilarang memaparkan iklan kepada pengguna (sama ada di laman web atau aplikasi mudah alih) berdasarkan pemprofilan menggunakan data peribadi pengguna tersebut sekiranya mereka mengetahui berdasarkan "kepastian munasabah" bahawa pengguna tersebut adalah seorang kanak-kanak/remaja. Walau bagaimanapun, platform tidak diwajibkan untuk memproses data peribadi tambahan bagi menentukan sama ada pengguna adalah kanak-kanak/remaja.

[D] Pengecualian terhadap Sekatan ADM

2.14 **Latar belakang:** Negara-negara lain termasuk EU, UK dan Korea Selatan membenarkan beberapa bentuk pengecualian terhadap Sekatan ADM dalam keadaan tertentu, contohnya: (i) apabila pemprosesan diperlukan untuk tujuan memeterai atau melaksanakan kontrak antara subjek data dan pengawal data; (ii) apabila terdapat keperluan bagi tujuan pematuhan undang-undang; dan (iii) apabila subjek data telah memberikan persetujuan eksplisit terlebih dahulu. Perlu diambil perhatian bahawa terdapat juga negara lain yang menyediakan pengecualian yang berbeza, contohnya:

(a) di Filipina, tiada sekatan dikenakan terhadap pemprosesan data secara automatik atau pemprofilan jika terdapat asas sah lain untuk pemprosesan tersebut (selain daripada persetujuan atau kepentingan sah); dan

(b) di Indonesia, pengecualian merangkumi keselamatan dan pertahanan negara, penguatkuasaan undang-undang, kepentingan awam dalam konteks pentadbiran negara dan lain-lain.

Sementara itu, negara seperti China tidak menyediakan sebarang pengecualian.

Selain itu, di EU dan UK, jika pembuatan keputusan secara automatik dilakukan berdasarkan pengecualian yang dinyatakan sebelumnya, ia tidak dibenarkan melibatkan kategori khas data peribadi kecuali:

(a) subjek data telah memberikan persetujuan eksplisit untuk pemprosesan data peribadi tersebut, **atau** pemprosesan diperlukan atas alasan kepentingan awam berdasarkan undang-undang EU atau undang-undang negara anggota atau undang-undang domestik yang mestilah seimbang dengan matlamat yang ingin dicapai, menghormati asas hak perlindungan data serta menyediakan langkah-langkah yang sesuai dan khusus untuk melindungi hak dan kepentingan asas subjek data; **dan**

(b) langkah-langkah yang sesuai telah dilaksanakan untuk melindungi hak, kebebasan dan kepentingan sah subjek data.

2.15 **Cadangan:** Dicadangkan bahawa pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan dibenarkan dalam keadaan berikut:

(a) apabila pemprosesan diperlukan untuk tujuan memeterai atau melaksanakan kontrak antara subjek data dan pengawal data;

(b) pemprosesan diperlukan bagi tujuan pematuhan undang-undang; dan

(c) apabila subjek data telah memberikan persetujuan eksplisit terlebih dahulu,

(secara kolektif dirujuk sebagai "**Pengecualian ADM**").

Sekiranya Pengecualian terpakai, Hak untuk Menolak atau Hak untuk Mendapatkan Semakan Manual tidak perlu diberikan kepada subjek data. Namun demikian, dicadangkan agar Hak untuk Mendapatkan Maklumat tetap dikekalkan (iaitu Pengecualian tidak terpakai bagi hak ini).

2.16 Walaupun perkara di atas secara umumnya berdasarkan pendekatan biasa yang diambil oleh negara-negara tertentu berkaitan pengecualian, dicadangkan agar keperluan untuk Hak untuk Mendapatkan Maklumat dikekalkan (iaitu tidak tertakluk kepada Pengecualian). Ini kerana perlu ada tahap ketelusan dalam proses pembuatan keputusan demi manfaat subjek data, supaya sebarang persetujuan eksplisit (yang termasuk dalam Pengecualian) diberikan secara bermaklumat dan dengan penuh kesedaran.

2.17 Dicadangkan juga bahawa pembuatan keputusan secara automatik yang melibatkan data peribadi sensitif hanya dibenarkan dalam keadaan berikut:

(a) persetujuan eksplisit daripada subjek data telah diperoleh, atau pemprosesan tersebut diperlukan atas alasan kepentingan awam; dan

(b) pengawal data telah melaksanakan langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi hak subjek data.

2.18 Bagi membolehkan pengawal data mengecualikan Hak untuk Mendapatkan Semakan Manual dan Hak untuk Menolak, dicadangkan agar persetujuan yang diberikan untuk pembuatan keputusan secara automatik di Malaysia mestilah berbentuk "persetujuan eksplisit" (bukan sekadar persetujuan biasa). Ini bermaksud persetujuan tersebut perlu jelas, spesifik dan memerlukan tindakan langsung daripada subjek data (contohnya, menandakan kotak semakan atau menandatangani dokumen sebagai tanda persetujuan mereka).

2.19 Selain itu, dicadangkan bahawa semua Sekatan ADM tidak akan terpakai bagi pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan dalam keadaan berikut (beberapa daripadanya sudah terpakai untuk pemprosesan am di bawah Seksyen 45 Akta 709):

(a) data peribadi yang diproses untuk urusan peribadi, keluarga atau rumah tangga individu termasuk tujuan rekreasi;

(b) data peribadi yang diproses untuk:

(i) pencegahan atau pengesanan jenayah atau bagi tujuan siasatan;

(ii) penangkapan atau pendakwaan pesalah; atau

(iii) penilaian atau pemungutan sebarang cukai, duti atau apa-apa jenis bayaran lain yang serupa;

(c) data peribadi yang diproses untuk penyediaan statistik atau pelaksanaan penyelidikan dengan syarat data peribadi tersebut tidak diproses untuk tujuan lain dan statistik atau hasil penyelidikan yang dihasilkan tidak didedahkan dalam bentuk yang boleh mengenal pasti subjek data;

(d) data peribadi yang diperlukan bagi tujuan atau berkaitan dengan sebarang perintah atau penghakiman mahkamah;

(e) peribadi yang diproses bagi tujuan melaksanakan fungsi pengawalseliaan;

(f) semata-mata untuk tujuan kewartawanan, kesusasteraan atau seni dengan syarat:

(i) pemprosesan dilakukan dengan tujuan penerbitan oleh mana-mana pihak terhadap bahan kewartawanan, kesusasteraan atau seni;

(ii) pengawal data mempunyai alasan munasabah untuk percaya bahawa dengan mengambil kira kepentingan awam yang khusus terhadap kebebasan bersuara, penerbitan tersebut adalah demi kepentingan awam; dan

(iii) pengguna data mempunyai alasan munasabah untuk percaya bahawa dalam semua keadaan, pematuhan terhadap peruntukan yang berkaitan dengan pengecualian tersebut tidak selaras dengan tujuan kewartawanan, kesusasteraan atau seni.

(secara kolektif dirujuk sebagai "**Kelonggaran**").

Kelonggaran ini adalah berdasarkan pengecualian di bawah Seksyen 45 yang sedia ada di bawah Akta 709 dan dicadangkan kerana ia umumnya konsisten dengan pengecualian umum yang ditetapkan di bawah undang-undang negara lain. Terdapat juga keadaan di mana Prinsip Perlindungan Data Peribadi tidak seharusnya terpakai, contohnya, apabila terdapat kepentingan yang lebih penting (misalnya, bagi tujuan keselamatan atau undang-undang); atau apabila pemprosesan tidak memberi kesan signifikan (contohnya, jika diproses untuk tujuan bukan komersial atau penyelidikan, ianya tidak menghasilkan pengenalpastian individu tertentu).

Soalan 4

Sila nyatakan pandangan anda dengan memberikan justifikasi yang jelas bagi menyokong jawapan kepada soalan-soalan berikut:

(a) Apakah pandangan anda terhadap Pengecualian dan Kelonggaran yang dicadangkan di atas? Adakah anda bersetuju bahawa pengecualian dan kelonggaran ini wajar diperkenalkan?

(b) Adakah anda berpendapat bahawa Pengecualian yang dicadangkan mencukupi atau adakah terdapat pengecualian tambahan yang perlu dipertimbangkan? Jika ya, sila nyatakan pengecualian lain yang perlu dipertimbangkan.

(c) Adakah anda bersetuju bahawa Hak untuk Mendapatkan Maklumat patut dikekalkan tanpa tertakluk kepada Pengecualian dan Kelonggaran, bagi memastikan ketelusan proses pembuatan keputusan?

(d) Adakah anda bersetuju bahawa pembuatan keputusan secara automatik yang melibatkan data peribadi sensitif, berdasarkan mana-mana Pengecualian hanya boleh dibenarkan jika kedua-dua kriteria berikut dipenuhi:

(i) Subjek data telah memberikan persetujuan atau pemprosesan diperlukan atas alasan kepentingan awam; dan

(ii) Pengawal data telah melaksanakan langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi hak dan kepentingan subjek data?

[E] Penggunaan Data Peribadi untuk Tujuan Latihan dan Output AI

2.20 **Latar belakang:** Pengawalseliaan ke atas AI berbeza di setiap negara. Sesetengah tempat seperti EU dan China telah menetapkan undang-undang menyeluruh untuk mengawal selia AI, manakala negara lain hanya mengeluarkan garis panduan yang tidak mengikat secara undang-undang. Undang-undang dan garis panduan ini meliputi perlindungan data pada tahap tertentu dan beberapa pihak berkuasa perlindungan data juga telah mengeluarkan garis panduan khusus berkaitan AI dan perlindungan data.

2.21 Model pembelajaran mesin / model bahasa raya yang mendasari AI dan AI Generatif bergantung pada data (termasuk data peribadi) untuk tujuan latihan dan output.

Contoh:

Contoh di bawah menunjukkan bagaimana model pembelajaran mesin menggunakan data, termasuk data peribadi untuk melatih dan menghasilkan output sekaligus meningkatkan keupayaannya untuk memberikan respons yang tepat dan relevan:

Pembantu Maya untuk Khidmat Pelanggan (seperti chatbot)

(a) ***Fasa Latihan****:*

- *Pengumpulan Data: Pembantu maya dilatih menggunakan sejumlah besar data teks termasuk interaksi khidmat pelanggan, soalan lazim (FAQ), manual produk dan sebagainya. Data ini merangkumi data peribadi yang telah dianonimkan, seperti pertanyaan dan respons pelanggan yang biasa.*

- *Latihan Model: Algoritma pembelajaran mesin menganalisis data ini untuk mengenal pasti corak seperti cara menjawab pelbagai jenis soalan, nada yang sesuai untuk digunakan dan maklumat yang paling relevan untuk diberikan.*

(b) ***Fasa Output****:*

- *Interaksi Pengguna: Apabila pelanggan mengemukakan soalan, pembantu maya menggunakan model yang telah dilatih untuk memahami pertanyaan tersebut dan menghasilkan respons. Sebagai contoh, jika pelanggan bertanya mengenai status pesanan mereka, pembantu maya boleh memberikan kemas kini berdasarkan maklumat yang telah dipelajarinya.*

- *Pemperibadian: Jika pembantu maya mempunyai akses kepada sejarah pelanggan (dengan persetujuan), ia boleh memberikan respons yang lebih diperibadikan. Sebagai contoh, ia mungkin menyatakan, "Pesanan anda #12345 sedang dalam perjalanan dan dijangka tiba esok," berdasarkan sejarah pesanan pelanggan tersebut.*

(c) ***Aspek Pemprofilan****:*

- *Tanpa Pemprofilan: Pembantu maya memberikan respons berdasarkan corak umum yang dipelajari semasa latihan tanpa mengambil kira sejarah khusus pengguna. Sebagai contoh, apabila pelanggan bertanya cara menetapkan semula kata laluan mereka, pembantu maya menjawab dengan panduan umum berdasarkan corak yang dipelajari: "Untuk menetapkan semula kata laluan, pergi ke halaman log masuk dan klik pada 'Lupa Kata Laluan.' Ikuti arahan yang dihantar ke e-mel anda untuk mencipta kata laluan baharu."*

- *Pemprofilan: Pembantu maya menyesuaikan responsnya berdasarkan interaksi dan keutamaan pengguna terdahulu, memberikan pengalaman yang lebih diperibadikan. Sebagai contoh, ia mungkin menggunakan nama pelanggan, merujuk kepada pesanan sebelumnya atau mencadangkan produk berdasarkan pembelian lalu.*

2.22 Perlu diambil perhatian bahawa tidak semua penggunaan AI (termasuk AI Generatif) melibatkan pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan. Sebagai contoh, chatbot AI biasanya menghasilkan respons berdasarkan corak yang dipelajari daripada

data latihan tanpa membuat keputusan tentang pengguna atau tindakan mereka. Walau bagaimanapun, AI juga boleh digunakan untuk tujuan pembuatan keputusan secara automatik iaitu sistem AI (yang bergantung pada sejumlah besar data peribadi) boleh menganalisis set data yang kompleks untuk mengenal pasti corak, meramalkan hasil dan membuat keputusan berdasarkan analisis ini.

2.23 Terdapat beberapa kebimbangan berkaitan perlindungan data dalam penggunaan AI dan AI Generatif yang mungkin dapat ditangani oleh Sekatan ADM, termasuk yang berikut:

(a) Pembangunan AI memerlukan penggunaan sejumlah besar data yang berkemungkinan merangkumi pelbagai jenis maklumat peribadi dan maklumat sensitif. Pengguna sering tidak menyedari bagaimana maklumat peribadi mereka diproses menjadikannya sukar untuk mereka menggunakan hak mereka sepenuhnya. Hak untuk Mendapatkan Maklumat dapat membantu mengurangkan sebahagian daripada isu ini dengan meningkatkan ketelusan; dan

(b) Pembinaan alatan AI melibatkan pemprosesan data latihan untuk membina model yang dapat mengenal pasti corak. Data latihan asal, model pra-latihan, dan hasil keluaran berpotensi mengandungi maklumat peribadi yang mungkin sukar diakses atau diperbetulkan. Ini boleh menimbulkan risiko pendedahan atau mempengaruhi hasil untuk individu berdasarkan input tertentu. Sekatan ADM dapat memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko ini.

2.24 **Cadangan:** Dicadangkan bahawa penggunaan AI dan AI Generatif (sama ada untuk melatih model bahasa raya atau sebagai sebahagian daripada proses menghasilkan output daripada model tersebut) secara jelas dikenal pasti sebagai kaedah "pembuatan keputusan secara automatik". Oleh itu, penggunaan AI dan AI Generatif oleh pengawal data yang membawa implikasi undang-undang terhadap subjek data atau memberi impak yang signifikan kepada subjek data harus tertakluk kepada Sekatan ADM.

Contoh:

Berikut adalah contoh bagaimana penggunaan AI dan AI Generatif boleh memberi kesan signifikan kepada subjek data:

*(a) **Perkhidmatan Kewangan**: Model AI Generatif boleh menganalisis sejumlah besar data kewangan untuk menentukan kelayakan kredit. Keputusan yang dibuat oleh model ini boleh mempengaruhi keupayaan seseorang untuk mendapatkan pinjaman, gadai janji atau kad kredit.*

*(b) **Diagnostik Kesihatan**: AI boleh meramalkan kemungkinan penyakit berdasarkan data pesakit, yang boleh memberi kesan kepada kadar premium insurans dan kelayakan perlindungan.*

(c) ***<u>Penguatkuasaan Undang-Undang dan Pengawasan</u>****: Sistem AI yang digunakan dalam pengawasan boleh mengenal pasti individu di ruang awam, yang berpotensi menjejaskan privasi dan kebebasan awam.*

(d) ***<u>Faedah Sosial dan Kebajikan</u>****: AI boleh digunakan untuk menentukan kelayakan seseorang bagi menerima faedah sosial seperti insurans pengangguran, faedah ketidakupayaan dan program kebajikan. AI Generatif boleh mengautomasi proses pemprosesan permohonan dan tuntutan. Walau bagaimanapun, kesilapan atau berat sebelah dalam sistem AI ini boleh menyebabkan penafian faedah secara salah, yang secara langsung menjejaskan kestabilan kewangan dan kesejahteraan individu.*

2.25 Secara khusus, bagi penggunaan AI dan AI Generatif yang mencetuskan pemakaian Sekatan ADM, dicadangkan agar prinsip atau langkah tambahan berikut dipertimbangkan dan dilaksanakan oleh pengawal data:

(a) apabila menggunakan AI untuk tujuan pemprofilan yang boleh memberi kesan signifikan terhadap hak dan faedah individu, AI mesti digunakan dengan bertanggungjawab serta menghormati maruah individu. Ini termasuk memastikan ketepatan maksimum hasil keluaran, memahami had ramalan, cadangan dan penilaian AI serta mempertimbangkan kemungkinan kelemahan dengan teliti dan mengelakkan penggunaannya untuk tujuan yang tidak sesuai.

(b) elakkan daripada membangunkan, menyediakan atau menggunakan sistem dan perkhidmatan AI untuk memanipulasi keputusan, persepsi atau emosi manusia, atau untuk mengawal mereka tanpa pengetahuan mereka. Dalam membangunkan atau menggunakan sistem AI, perhatian mesti diberikan terhadap risiko pergantungan berlebihan kepada AI termasuk berat sebelah automatik. Langkah pencegahan yang sesuai perlu dilaksanakan bagi mengurangkan risiko ini.

(c) sebelum melaksanakan penyelesaian AI, pengawal data perlu menetapkan dengan jelas objektif komersial penggunaan AI dan menimbangnya dengan risiko yang mungkin timbul daripada penggunaan AI dalam proses membuat keputusan organisasi.

(d) jika sistem AI bertujuan untuk membuat keputusan secara automatik, organisasi yang menggunakan sistem tersebut mesti diberikan latihan atau penjelasan yang jelas mengenai cara ia berfungsi. Ini penting untuk memastikan sistem digunakan dengan betul dan hasilnya difahami dengan baik.

(e) pastikan AI tidak menjadi satu-satunya faktor yang menentukan dasar atau keputusan yang melibatkan individu. Langkah ini bertujuan untuk mencegah diskriminasi, seperti rasisme, serta mengelakkan tindakan yang boleh menjejaskan hak atau kebajikan individu.

(f) Semakan oleh manusia terhadap cadangan yang dibuat oleh sistem AI mesti bersifat aktif dan bermakna bukan sekadar formaliti. Penyemak mesti mempunyai kuasa dan kecekapan untuk mencabar atau menolak cadangan automatik. Mereka perlu mentafsir dan menilai cadangan tersebut dengan mengambil kira semua data input yang tersedia serta mempertimbangkan faktor tambahan lain. Penglibatan ini memastikan keputusan akhir dibuat dengan wajar dan bertanggungjawab.

Soalan 5

Sila nyatakan pandangan anda dengan memberikan justifikasi yang jelas bagi menyokong jawapan kepada soalan-soalan berikut:

(a) Apakah pandangan anda terhadap penggunaan AI dan AI Generatif, secara automatiknya dianggap sebagai kaedah "pembuatan keputusan secara automatik" dan oleh itu tertakluk kepada Sekatan ADM (jika penggunaannya membawa implikasi undang-undang kepada subjek data atau memberi impak signifikan kepada mereka)?

(b) Apakah pandangan anda mengenai prinsip atau langkah tambahan yang dinyatakan dalam Perenggan 2.25 di atas? Sebagai contoh, adakah anda berpendapat langkah-langkah tersebut perlu dan/atau mencukupi untuk menangani risiko yang berkaitan dengan penggunaan AI dan AI Generatif, atau adakah prinsip tersebut terlalu membebankan pengawal data sehingga boleh menghalang inovasi?

(c) Sebagai pengawal data, sejauh mana anda menggunakan AI dan AI Generatif, adakah anda menjangka sebarang cabaran atau kesukaran dalam melaksanakan prinsip atau langkah tambahan yang dicadangkan? Jika ya, apakah cara yang boleh diambil untuk menangani atau mengurangkan cabaran atau kesukaran tersebut?

(d) Adakah terdapat sebarang piawaian atau garis panduan AI pada masa ini (yang mengandungi keperluan berkaitan data peribadi dan pembuatan keputusan secara automatik) yang mungkin dikenakan ke atas pengawal data dalam sektor atau industri tertentu? Jika ya, sila nyatakan sektor atau industri yang anda maksudkan beserta butiran mengenai piawaian atau garis panduan tersebut.

[F] Data Biometrik

2.26 **Latar Belakang:** Seksyen 4 Akta 709 (seperti yang telah dipinda) memperkenalkan:

(a) Pengenalan "data biometrik" sebagai sebahagian daripada definisi "data peribadi sensitif"; dan

(b) Takrifan baharu bagi "data biometrik", iaitu "apa-apa data peribadi yang terhasil daripada pemprosesan teknikal yang berhubungan dengan ciri-ciri fizikal, fisiologi atau tingkah laku seseorang ."

2.27 Sebagai pelengkap kepada perkara di atas, Garis Panduan ADMP akan memberikan panduan tambahan mengenai takrifan "data biometrik", serta menetapkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengawal data dalam memproses data biometrik secara selamat dan bertanggungjawab.

2.28 Data biometrik secara amnya diklasifikasikan sebagai data peribadi sensitif atau data peribadi kategori khas di beberapa negara seperti EU, UK, Australia, Indonesia dan China. Selain itu, beberapa pihak berkuasa perlindungan data telah mengeluarkan garis panduan khusus, laporan, draf peraturan, pendapat, dan dokumen lain ("Panduan") yang berkaitan dengan penggunaan data biometrik.

2.29 Perlu ditekankan bahawa di bawah Akta Perkhidmatan Digital EU (DSA), data biometrik (seperti yang ditakrifkan dalam GDPR EU) tidak boleh digunakan untuk tujuan pemprofilan.

2.30 **Cadangan:** Adalah dicadangkan agar kategori data peribadi yang tergolong dalam definisi "data biometrik" diperincikan dengan lebih jelas. Selain itu, pengawal data perlu melaksanakan langkah-langkah keselamatan tambahan semasa memproses data biometrik sama ada bagi tujuan pembuatan keputusan secara automatik yang membawa implikasi undang-undang atau impak yang signifikan terhadap subjek data, atau untuk sebarang tujuan lain.

2.31 Secara khusus, dicadangkan bahawa kategori berikut dijadikan sebagai contoh data biometrik:

(a) Cap jari;
(b) Pengecaman wajah;
(c) Imbasan iris dan retina;
(d) Suara / pengecaman suara;
(e) DNA;
(f) Tulisan tangan; dan
(g) Corak berjalan (*gait*).

2.32 Selain daripada langkah-langkah semasa di bawah Akta 709 dan Sekatan ADM, langkah tambahan berikut dicadangkan bagi pemprosesan data biometrik (walaupun dalam keadaan di mana Sekatan ADM tidak terpakai):

(a) Ketelusan dan kawalan – Memberikan makluman yang jelas kepada subjek data mengenai bagaimana data biometrik mereka dikumpul, digunakan dan disimpan, serta memastikan mereka mempunyai kawalan ke atas data tersebut.

(b) Keselamatan – Melaksanakan langkah keselamatan yang kukuh dan perlindungan teknikal seperti penyulitan *(encryption)*. Untuk mencegah pemalsuan identiti (contohnya, penggunaan cap jari tiruan atau model wajah 3D

untuk meniru ciri fizikal individu dan mendapatkan padanan positif dalam sistem biometrik), sistem tersebut harus merangkumi langkah anti-pemalsuan seperti pengesanan kehadiran langsung *(liveness detection)*.

(c) Penyimpanan – Data biometrik mesti disulitkan semasa penyimpanan dan asingkan simpanan data biometrik dan output yang dihasilkan. Selain itu, data biometrik (dan maklumat peribadi lain) hanya boleh disimpan untuk tempoh yang diperlukan bagi tujuan asalnya.

(d) Ketepatan – Mewujudkan mekanisme yang berkesan untuk memastikan ketepatan data biometrik yang dikumpul dan diproses.

(e) Pelupusan – Apabila data biometrik tidak lagi diperlukan, pastikan ia dipadamkan secara kekal daripada sistem.

(f) Sekat pendedahan sekunder data biometrik untuk tujuan sekunder melainkan ia berkait secara langsung dengan tujuan asal pengumpulan data dan berada dalam jangkaan munasabah subjek data.

Soalan 6

Sila nyatakan pandangan anda dengan memberikan justifikasi yang jelas bagi menyokong jawapan kepada soalan-soalan berikut:

(a) Pada pandangan anda, adakah kategori data peribadi yang termasuk dalam definisi "data biometrik" dan contoh-contoh yang diberikan di atas lengkap? Jika tidak, apakah contoh lain bagi data peribadi yang perlu dimasukkan?

(b) Adakah anda berpendapat bahawa langkah tambahan yang dicadangkan di atas bagi pemprosesan data biometrik adalah mencukupi dan berkesan? Jika tidak, apakah langkah lain yang harus dilaksanakan untuk memperkukuhkan perlindungan data biometrik?

(c) Sebagai pengawal data, sejauh mana anda menjalankan pemprosesan data biometrik, dan adakah anda menjangkakan sebarang cabaran atau kesukaran dalam melaksanakan langkah tambahan yang dicadangkan? Jika ya, apakah cara yang boleh diambil untuk menangani atau mengurangkan cabaran tersebut?

(d) Adakah terdapat piawaian atau garis panduan berkaitan data biometrik yang sedang dikuatkuasakan terhadap pengawal data dalam sektor atau industri tertentu? Jika ya, sila nyatakan sektor atau industri yang terlibat beserta butiran mengenai piawaian atau garis panduan tersebut.

[G] Televisyen Litar Tertutup (CCTV)

2.33 **Latar belakang:** Memandangkan data biometrik telah dimasukkan dalam Akta 709 seperti yang dijelaskan sebelum ini dan dengan mengambil kira penggunaan CCTV secara meluas oleh organisasi, Garis Panduan ADMP akan turut menangani isu berkaitan penggunaan CCTV untuk menjana data biometrik serta pemprosesan data biometrik melalui CCTV bagi tujuan pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan.

2.34 Pihak berkuasa perlindungan data di beberapa negara, seperti Singapura dan UK, telah mengeluarkan panduan mengenai penggunaan data biometrik dalam aplikasi keselamatan, termasuk penggunaan CCTV.

2.35 **Cadangan:** Dicadangkan agar pengawal data mengguna pakai langkah-langkah berikut apabila memperoleh data biometrik daripada CCTV atau memproses data biometrik melalui CCTV bagi tujuan pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan:

(a) menilai sama ada penggunaan CCTV sesuai dalam keadaan tertentu dengan mengambil kira jangkaan munasabah individu yang mana data peribadinya diproses serta kesan terhadap hak dan kebebasan mereka.

(b) menggunakan CCTV hanya di lokasi yang diperlukan untuk mencapai tujuan yang ditetapkan.

(c) meletakkan notis di lokasi yang jelas dan mudah dilihat bagi memaklumkan individu bahawa CCTV sedang beroperasi serta tujuan penggunaannya (contohnya, keselamatan). Papan tanda ini harus lebih ketara dan kerap dipaparkan di kawasan di mana individu mungkin tidak menjangka mereka akan dipantau.

(d) menggunakan rakaman audio hanya jika terdapat keperluan yang terbukti dan berasas.

(e) mengelakkan rakaman di kawasan yang mana seseorang individu secara munasabah menjangkakan ketersedian tahap privasi yang tinggi.

(f) mengawal akses kepada rakaman dan pangkalan data bagi mengelakkan akses tanpa kebenaran dengan melaksanakan langkah-langkah seperti mengehadkan akses ke kemudahan penyimpanan atau mengehadkan bilangan individu yang mempunyai akses kepada sistem dan pangkalan data (contohnya, melalui perlindungan kata laluan).

(g) melaksanakan proses untuk memadam atau menulis ganti rakaman secara berkala apabila ia tidak lagi diperlukan untuk tujuan penyiasatan atau keperluan sah lain.

(h) memberikan latihan yang mencukupi kepada kakitangan dan vendor dalam mengendalikan permintaan akses kepada data.

Soalan 7

Sila nyatakan pandangan anda dengan memberikan justifikasi yang jelas bagi menyokong jawapan kepada soalan-soalan berikut:

(a) Apakah pandangan anda mengenai langkah-langkah yang dicadangkan berkaitan penggunaan CCTV seperti yang dinyatakan pada Perenggan 2.35?

(b) Adakah terdapat langkah tambahan yang perlu dimasukkan atau sebarang langkah yang wajar dikeluarkan? Jika ya, sila nyatakan dan berikan justifikasi anda.

(c) Berdasarkan pengalaman anda, adakah anda menjangka sebarang cabaran atau kesukaran dalam melaksanakan langkah-langkah yang dicadangkan? Jika ya, apakah langkah yang boleh diambil untuk menangani atau mengurangkan cabaran tersebut?

(d) Adakah terdapat sebarang piawaian atau garis panduan berkaitan penggunaan CCTV yang sedang dikuatkuasakan terhadap pengawal data dalam sektor atau industri tertentu? Jika ya, sila nyatakan sektor atau industri yang terlibat serta butiran mengenai piawaian atau garis panduan tersebut.